

24 JANUARI 2018

Polis Thai rampas 300kg 'ice' diseludup ke Malaysia

Polis Thai rampas 300kg 'ice' diseludup ke Malaysia

BANGKOK 23 Jan. - Polis Thai terkejut apabila mereka menemukan 300kg 'ice' (methamphetamine kristal) disorokkan dalam ratusan buah tembikai dalam sebuah lori yang mengangkut hasil pertanian di Nakhon Ratchasima, timur laut Thailand.

Ketua Biro Pencegahan Narkotik (NSB), Leftenan Jeneral Sommai Kongvisaisuk berkata, dadah yang dianggarkan bernilai berjuta-juta Baht adalah untuk dibawa ke selatan Thailand dan kemudian diseludup masuk ke Malaysia.

"Sekumpulan empat orang, dua lelaki dan dua perempuan menunggu dadah itu di Yala, selatan Thailand di mana mereka merancang untuk menyeludupkan bahan itu melintasi Sungai Golok, masuk ke Malaysia," katanya kepada *Bernama* di sini hari ini.

Sungai Golok ialah sebatang sungai kecil yang memisahkan Narathiwat di selatan Thailand dengan Kelantan.

Menurut Sommai, empat orang diberkas oleh pihak berkuasa dalam serbuan berasingan di Narathiwat dan Yala semalam dan mereka menyertai tiga lagi lelaki lain yang ditangkap sehari lebih awal di pusat pemeriksaan di Nakhon Ratchasima.

Ketujuh-tujuh suspek itu kini sedang disiasat polis berkaitan kes berkenaan.

Sementara itu, beliau berkata, Tentera Laut Thailand yang meronda Sungai Mekong dekat sempadan Thai-Laos semalam memintas sebuah bot membawa kira-kira 11 juta biji "Yaba", - methamphetamine tahap rendah.

"Mereka menahan seorang lelaki dalam bot itu," katanya. - **BERNAMA**



POLIS Anti-Dadah Thailand menahan lori yang membawa tembikai di Nakhon Ratchasima dan menemui 300kg dadah jenis 'Ice' (Crystal Methamphetamine) untuk dihantar ke Selatan Thailand sebelum diseludup masuk ke Malaysia menerusi Sungai Golok. - BERNAMA